

Headline **THP perluas pemilikan tanah**  
Date **07 May 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Bisnes**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **N18**  
Article Size **57 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **228**  
PRValue **684**



## THP perluas pemilikan tanah

TH Plantations Bhd (THP) yang sudah mengembangkan keluasan saiz tanahnya daripada 32,000 hektar kepada 39,159 hektar, bercadang meningkatkan lagi keluasan itu kepada 50,000 hektar menjelang tahun 2012.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Zainal Azwar Zainal Aminuddin berkata, THP mahu mencapai matlamat itu menerusi proses pengambilalihan pihak ketiga atau urus niaga pihak berkaitan.

"Syarikat mempunyai kredit kemudahan sokongan RM120 juta menerusi terbitan Nota Tempoh Sederhana Bai Muharabah untuk rancangannya itu.

"Kami kini bertapak kukuh sebagai syarikat perladangan bersaiz sederhana dan akan melaksanakan strategi pertumbuhan sedia ada dengan menyasarkan mengembangkan keluasan tanah kepada 50,000 hektar di lokasi-lokasi strategik," katanya selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) THP di Kuala Lumpur, semalam. - Bernama